

Gotong-royong Sayangi Perairan Labuan

SERAMAI 67 peserta kayak menyertai Program Gotong-royong Sayangi Perairan Labuan sempena Sambutan Hari Kemerdekaan.

Program meliputi kawasan di sepanjang perjalanan berkayak bermula dari Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan sehingga ke Kampung Patau-Patau 2.


Ia merupakan anjuran Persatuan Kenu Labuan dengan kerjasama Perbadanan Labuan (PL) yang melibatkan pelajar Insitut Pengajian Tinggi (IPT) serta komuniti kampung.

Ketua Pegawai Eksekutif PL, **Dr Fary Akmal Osman** berkata, tujuan program ini adalah untuk membersihkan dan mengutip sampah

di kawasan perairan Labuan bagi menjaga kebersihan perairan Labuan serta menjaga khazanah pulau ini.

"Program ini juga merupakan salah satu bidang di bawah 13 Cakna Wilayah Prihatin (Kebersihan dan Keindahan) dan kita mengambil beberapa Cakna yang penting bagi membangunkan serta memajukan Labuan," katanya.

Beliau berkata sedemikian ketika merasmikan Program Gotong-royong Sayangi Perairan Labuan di Kampung Patau-Patau 1, di Labuan pada Ahad lalu.

Terdahulu, hasil daripada program tersebut, seberat 324 kilogram sampah telah berjaya dikutip di sepanjang perairan Labuan. 



DR Fary merasmikan papan simbolik sayangi perairan labuan di Kampung Patau-Patau 1 baru-baru ini.